

# Pengalaman tidak boleh dipandang mudah

UR 10.12.2014 B3



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

DALAM mengharungi liku-liku kehidupan banyak perkara yang telah kita lalui sama ada perkara yang boleh dijadikan kenangan indah mahupun kenangan yang paling pahit dalam hidup. Bagaimanapun semua kenangan tersebut merupakan satu perjuangan dalam kehidupan menuju kepada kehidupan yang lebih matang. Kematangan seseorang bukan diukur melalui usia mahupun pangkat sebaliknya kematangan bermula dengan perjuangan dalam kehidupan dan pengalaman yang pernah dilalui untuk mengerti tentang sebuah kehidupan.

Pengalaman yang dilalui tidak boleh dinilai dengan nilai wang kerana ia amat berharga. Namun begitu ada sesetengah insan merasakan pengalaman bukan sesuatu yang penting dalam pemberian penghargaan di sesuatu tempat kerja. Kebolehan dan bakat berkomunikasi lebih dipandang walaupun usia setahun jagung. Kecekapan dalam menjalankan tugas bukan perkara yang mudah kerana ia memerlukan

pengalaman dan pengalaman bermula daripada tempoh menjalaninya.

Pengalaman setahun jagung tidak sama dengan orang yang lebih senior melalunya. Oleh sebab itu akta mahupun undang-undang yang baru digubal akan menghadapi masalah kerana ketidakcukupan pengalaman dalam menangani sesuatu isu dan akan menimbulkan ketidakpuasan hati dalam pelbagai pihak yang akhirnya mengoyahkan sesebuah institusi.

Begini juga dalam kehidupan sama ada dalam pembelajaran, pengajaran, pembentukan kekuatan sebuah institusi, mahupun anugerah kepada seseorang melalui pemberian dan sebagainya. Terdapat kajian barat mengatakan kecerdasan keintelektualan yang memuncak pada seseorang manusia adalah ketika berusia 17 tahun sedangkan kecerdasan emosi tidak pernah terhenti dan semakin berusia kecerdasan emosi semakin stabil.

Keadaan ini berlaku kerana pengalaman yang dilalui telah menyebabkan mereka semakin matang dan mempunyai daya ketahanan diri yang kuat sehinggakan semua tekanan dan permasalahan yang

dihadapi dapat diatasi dengan tenang. Oleh sebab itu perjuangan Rasullullah juga bermula daripada usia 40-an kerana pada usia sebegini kecerdasan emosi dan kecerdasan intelektual saling perlu memerlukan walaupun keperibadian yang unggul bermula daripada zaman kanak-kanak namun Allah telah memberikan tanggungjawab yang besar kepada baginda ketika berusia 40 tahun.

Keadaan ini perlu dijadikan pedoman oleh semua manusia kerana keghairahan dalam menjadi ketua menyebabkan kita alpa dengan pengajaran yang diberikan Allah. Kealpaan daripada peringatan ini sememangnya akan membawa kepada kecelaruan dan ketidakpuasan hati dalam pelbagai peringkat sama ada dalam pentadbiran sesebuah institusi, masyarakat mahupun negara.

Oleh sebab itu, sekiranya seseorang itu insaf dengan setiap perkara yang dititikberatkan dalam ajaran agama Islam maka perjalanan hidupnya juga akan lancar dan jiwanya juga akan tenang kerana kebergantungan hidup yang sepenuhnya kepada Allah merupakan kekuatan yang sebenar.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi Kanan, HEP, UMS